



## Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjanaan ekonomi masjid

Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>1</sup>, Fidlizan Muhammad<sup>1</sup>, Mohamad Hassan<sup>1</sup>, Azila Abdul Razak<sup>1</sup>, Nurul Fadly Habidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: Mohd Yahya Mohd Hussin (email: [yahya@fpe.upsi.edu.my](mailto:yahya@fpe.upsi.edu.my))

### Abstrak

Peranan masjid kepada umat Islam amat luas ruang lingkupnya kerana ia adalah institusi yang boleh menyatukan seluruh umat Islam. Pengembangan ekonomi masjid merupakan antara langkah yang boleh dilakukan oleh institusi masjid untuk tujuan pengimaranan. Melalui pengenalan sistem elektronik perakaunan masjid (EMAS) yang telah dilaksanakan oleh institusi masjid di Negeri Perak, mendapati jumlah dana masjid yang terkumpul dalam bentuk simpanan tunai berserta tanah wakaf yang tidak diusahakan adalah banyak. Oleh yang sedemikian, institusi masjid seharusnya menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif.

**Katakunci:** institusi masjid, pelaburan, sistem elektronik perakaunan masjid (EMAS), teknologi perakaunan, *ummah, waqf*

## Applying accounting system technology for the economic advancement of mosques

### Abstract

For Muslims the role of mosques goes beyond religious rituals to such other objectives as enhancing the ummah unity and economy. Expanding the mosque economy and prosperity is thus a welcomed undertaking. This study focussed on the management of the economy of the Malaysian state of Perak's mosques. It was found that by applying an electronic mosque accounting system (EMAS) to the mosque administrations the mosques actually had in their possession and disposal substantial sources of funds in the forms of cash deposits and *waqf* land ownership – assets which had been hitherto under-utilised. As such, the mosques should be able to generate substantial income not just for the continuity of their fundamental religious activities but also to help stimulate the economic development of the community (*ummah*) via productive economic activities.

**Keywords:** accounting technology, Electronic Mosque Accounting System (EMAS), investment, mosque institution, *ummah, waqf*

### Pengenalan

Masjid merupakan institusi penyatuan umat Islam dalam pelbagai bidang. Umumnya, ketika saat kegembiran pemerintahan kerajaan Islam, masjid dijadikan sebagai pusat rujukan utama melibatkan

soal pentadbiran kerajaan, kewangan dan ekonomi, keagamaan, perundangan, institusi sosial dan sebagainya. Fungsi yang komprehensif ini, menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat (Lokman, 2007). Kini fungsi yang dimainkan oleh institusi ini semakin berkurangan. Namun begitu, taraf penghormatan masyarakat terhadapnya masih tinggi (Hussin *et al.*, 2014a).

Masjid merupakan mihrab dan tempat berjemaah umat Islam dalam menunaikan ibadat utama iaitu sembahyang berjemaah. Selain menjadikan masjid sebagai pusat peribadatan, masjid juga menghubungkan masyarakat dengan sifat dan amalan derma dan sedekah. Derma dan sedekah ini berkaitan dengan masjid disebabkan ianya dianggap sebagai institusi yang menguruskan kepentingan umat Islam semasa hidup dan mati.

Di Negeri Perak, pengurusan sesebuah masjid dikendalikan melalui integrasi dua pasukan iaitu Ahli Jawatan Kuasa (AJK) masjid dan pegawai-pegawai masjid. Masjid di negeri Perak juga dibahagikan kepada enam (6) kategori untuk tujuan memudahkan pemfokusan operasi serta peranan yang lebih terarah iaitu Masjid Negara, Masjid Negeri, Masjid Jamek Daerah, Masjid Institusi, Masjid Kariah dan Surau Diri Jumaat dan Surau (Razak *et al.*, 2014)

Secara umum terdapat dua sumber dana yang diterima oleh masjid iaitu; pertama, peruntukan dari kerajaan negeri dan kedua, sumbangan orang ramai (Maliah, 2007). Dana yang diterima dari kerajaan negeri adalah bertujuan untuk penyelenggaraan masjid dan juga mengendalikan aktiviti-aktiviti keagamaan masjid. Manakala sumbangan orang ramai adalah untuk membayai aktiviti-aktiviti sosial yang tidak dibiayai oleh kerajaan negeri (Hussin *et al.*, 2014b). Disebabkan dana-dana tersebut diperoleh dari dua sumber yang berbeza, maka prosedur pengurusan setiap dana tersebut juga berbeza. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri, manakala ahli jawatankuasa masjid bertanggungjawab mengurus sumbangan orang ramai.

Disamping itu, institusi masjid berhak mendapat peruntukan dari pihak MAIN dan juga tiada halangan untuk mencipta dana daripada aktiviti-aktiviti yang dirancang. Tambahan pula, terdapat juga sebilangan masjid yang memperoleh dana melalui sumbangan dan wang zakat dari badan-badan korporat. Keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar.

Namun begitu, isunya adalah bagaimana kaedah perekodan kewangan dana masjid dilakukan dan sekiranya institusi masjid mempunyai dana yang banyak, adakah dana tersebut digunakan secara optimal dan seterusnya limpahan daripada wang/sumbangan tersebut dapat diperluaskan bukan sahaja untuk tujuan masjid semata-mata, bahkan juga untuk pembangunan ekonomi kariah secara mikro dan keseluruhan ekonomi negara secara makronya. Justeru, kajian ini cuba meneroka kebolehan sistem elektronik perakaunan masjid (EMAS) untuk menjana ekonomi masyarakat setempat di Negeri Perak.

## Kajian literatur

Perkataan masjid (tempat sujud) berasal dari perkataan Arab *sajada*, *yasjudu*, *sajdan* atau *sujudan*. Sujud dalam pengertiannya bererti patuh dan menghina diri dengan meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah SWT. (Zawawi, 2007). Menurut Mohd Noor Azli *et al.* (2008), masjid merupakan institusi yang mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam jiwa umat Islam. Seperti yang tercatat dalam sejarah, Nabi Muhammad SAW telah mengurus dan menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam dalam pelbagai cabang kehidupan sama ada sebagai pusat ibadah, pusat pendidikan, pusat kegiatan sosial, pusat pembangunan masyarakat, pusat penerangan dan maklumat, pusat kehakiman, pusat perhubungan, pusat interaksi masyarakat, pusat rawatan dan kecemasan, pusat pemulihan dan pusat seni (Joni & Che Zarrina, 2003).

Dalam sistem pengurusan Islam, masjid adalah institusi wakaf, sama ada yang disediakan oleh kerajaan atau diserahkan secara ikhlas oleh individu kepada individu tertentu atau kepada institusi kerajaan untuk diurus dan ditadbir (Hasan, 2008). Justeru itu, institusi masjid mesti ditadbir dan diurus dengan berkesan atas roh keikhlasan dan amanah daripada Allah SWT. Semasa zaman kegemilangan Islam, institusi masjid berperanan sebagai pusat pentadbiran kerajaan Islam dalam pelbagai aspek. Namun

pada masa kini, kepelbagaiannya peranan masjid telah diambil-alih oleh institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak kerajaan (Hussin *et al.*, 2011). Hingga kini, institusi masjid hanya dilihat tidak lebih sebagai pusat ibadah dan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan. Bagi mengembalikan keyakinan orang ramai serta kegemilangan institusi masjid seperti zaman Nabi Muhammad SAW dahulu, maka peranannya sebagai pemangkin kepada sosio-ekonomi ummah perlu diketengahkan.

Selain itu, bagi mengurus masjid secara berkesan, Ajmain @ Jimaa'in (2008) menjelaskan pengurusan masjid perlu sentiasa peka kepada perkembangan semasa untuk memastikan aktiviti dan program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, misalnya penekanan kepada konsep 6P dalam pengurusan iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengawalan, penilaian dan pembetulan. Apa yang penting, pengurusan yang baik perlulah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan tindakan agar masjid itu dapat berfungsi sepenuhnya seperti mana yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

Menurut Ahmad Puhad dan Siti Roddiah (2010) dalam kajiannya mendapati masjid yang cemerlang perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik serta berlandaskan ketentuan syarak. Namun begitu, menurut Ahmad Nawawi *et al.* (2008) rata-rata pengurusan masjid masih berada pada tahap lama dan tidak produktif walaupun perubahan organisasi semakin pesat.

Dari aspek kewangan pula, masjid dilihat berperanan sebagai satu institusi yang berpotensi dalam menangani krisis ekonomi. Menurut Muhammad dan Hussin (2009), peranan masjid dalam sosio-ekonomi ini perlu diketengahkan memandangkan institusi masjid mempunyai dana yang besar terutamanya masjid-masjid yang berada di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk dan pendapatan yang tinggi. Bagi mencapai objektif tersebut, pengurusan kewangan dan pelaburan masjid perlulah mengikuti peraturan yang digariskan oleh Islam dan menepati kehendak syarak. Ianya penting bagi memastikan matlamat Masjid untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan masyarakat setempat tercapai dalam landasan yang dibenarkan.

Kajian Jaafar *et al.* (2001) pula menemui bukti yang mana, kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan oleh masyarakat awam. Sumber kewangan ini kurang disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli masyarakat setempat. Dengan lain pengertian, masjid dikatakan cenderung menyimpan sumbangan dana yang diterimanya ke dalam institusi bank untuk memperolehi pulangan yang minimal.

Sementara itu, Salawati (2009) mencadangkan agar masjid didirikan di tempat yang strategik dan menjadikannya sebagai pusat ekonomi setempat dalam memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat. Ianya boleh direalisasikan dengan institusi masjid membina kiosk, kedai runcit dan sebagainya dalam kawasan masjid jika lokasi masjid yang dibina berada di kawasan yang strategik. Dengan itu, masyarakat setempat hanya perlu ke masjid untuk membeli barang keperluan harian dan secara tidak langsung mampu mengimarahkan institusi masjid itu sendiri.

Di samping itu, Hussin *et al.* (2012) menjelaskan antara isu yang timbul dalam pengurusan kewangan masjid di negeri Perak adalah berkaitan dengan sistem perekodan kewangan institusi masjid yang tidak piawai. Ini membuktikan institusi masjid kurang minitikberat berkaitan dengan proses pengurusan kewangan. Justeru, satu perisian sistem kewangan yang piawai adalah perlu dimewujudkan untuk diaplikasikan oleh institusi masjid dan seterusnya mampu mewujudkan idea-idea pengembangan ekonomi masjid.

## Metodologi kajian

Model prototaip evolusi telah dipilih sebagai metodologi pembangunan sistem bagi membangunkan perisian E-MAS kerana ianya mempunyai beberapa kelebihan dalam membangunkan sistem di antaranya adalah:-

- i. Metodologi ini adalah fleksibel di mana pembangun sistem boleh bertukar-tukar maklumat bagi meningkatkan kefahaman keperluan sistem melalui hubungan komunikasi di antara ketua penyelidik projek.
- ii. Dengan menggunakan metodologi ini, perubahan terhadap sistem dapat dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
- iii. Pendekatan metodologi prototaip yang digunakan secara tidak langsung dapat melatih pengguna menggunakan sistem yang hendak dibangunkan sebelum sistem yang lengkap dihasilkan sepenuhnya.
- iv. Kekurangan terhadap sistem yang dibangunkan dapat dikesan di peringkat awal iaitu semasa proses pengujian dan penilaian yang dijalankan ke atas prototaip sistem dan pemberian terhadap sistem dapat dilakukan sebelum sistem sebenar dihasilkan
- v. Pendekatan metodologi prototaip evolusi dapat mengurangkan kos pembangunan sistem. Ini kerana prototaip yang dihasilkan tidak dibuang tetapi ianya digunakan sehingga proses pelaksanaan sistem sebenar dilakukan.

Bagi membangunkan perisian E-MAS beberapa kriteria perkakasan dan perisian yang bersesuai perlu diambil kira. Oleh sebab sistem yang dibangunkan ini adalah secara ‘standalone’ dan tidak berasaskan web, maka perkakasan dan perisian yang dipilih perlulah menyokong teknologi sistem yang dibangunkan.

#### *Keperluan perkakasan*

Keperluan perkakasan merupakan salah satu keperluan yang diperlukan dalam membangunkan sistem. Bagi membangunkan sistem ini, beberapa spesifikasi perkakasan yang perlu dipenuhi bagi memastikan perlaksanaan pembangunan sistem berjalan dengan lancar. Keperluan perkakasan tersebut adalah bagi menyokong proses pembangunan dan pelaksanaan sistem. Jadual 1 menunjukkan spesifikasi perkakasan bagi keperluan minimum yang diperlukan bagi pelanggan dan pelayan.

**Jadual 1. Spesifikasi keperluan perkakasan bagi pengguna sistem EMAS**


Spesifikasi Komputer Pengguna
Minimum Pemprosesan Pentium III dengan kelajuan
Minimum 1.5 Ghz ke atas 64 MB DDRM ke atas ingatan (RAM)
Minimum50 MB Ruang Cakera Keras
Modem 28.8 Kbps
Pemacu CDROM 48X Max Speed
Monitor 15'
Pemacu cakera liut 1.44 MB
Tetikus
Papan kekunci

#### *Justifikasi pemilihan perisian*

- i. Microsoft Window XP  
Perisian Microsoft Windows XP digunakan sebagai sistem pengoperasian sistem bagi menyokong sistem pengoperasian komputer
- ii. Microsoft Excel  
Perisian Microsoft Excel 2007 digunakan untuk membuat perisian perakaunan EMAS

*Manual penggunaan perisian EMAS*

Skrin "Selamat Datang"	Skrin "Menu Utama"	Skrin "Kewangan Semasa"
 <p>1. Masuk ke skrin kewangan (Langkah 2) 2. Klik "Menu Utama".</p>	 <p>3. Skrin "Selamat Datang" 4. Skrin "Kewangan Semasa" 5. Skrin "Profil Masjid" 6. Skrin "Aset Masjid" 7. Skrin "Permohonan Data"</p>	 <p>8. Skrin "Laporan Bulanan" 9. Skrin "Laporan Bulan" 10. Skrin "Laporan Tahunan"</p> <p>Isikan balik wajah di bank dan wajah tunai dalam terdapat di dalam kotak berwarna merah.</p>
Skrin "Tahun Kewangan"	Skrin "Profil Masjid"	Skrin "Aset Masjid"
 <p>Manfaatkan 1/1/2011, 2/2/2012, ..., dan 3/3/2013 bagi data kewangan.</p>	 <p>Isikan "Profil Masjid" di tempat yang berkewaan seperti di dalam kotak berwarna merah.</p>	 <p>Isikan "Aset Masjid" di tempat yang berkewaan seperti di dalam kotak berwarna merah.</p>



Model Perisian EMAS ini telah diuji dan dilaksanakan kepada 630 buah masjid di negeri Perak yang diwakili oleh bendahari atau pengurus Masjid. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian terhadap penerimaan bendahari atau pengurus Masjid dalam mengguna dan mengaplikasikan EMAS dalam merekod maklumat kewangan Masjid.

### Dapatan kajian

Perisian EMAS telah dilaksanakan di seluruh masjid di Negeri Perak. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima dan pemerhatian yang dilakukan, didapati perisian EMAS adalah mesra pengguna kerana perisian ini dibina menggunakan perisian Excel dan tidak memerlukan internet. Di samping itu, perisian ini hanya memerlukan tahap pengetahuan minimum dalam ICT dan tidak memerlukan kos pemasangan. Ianya juga boleh digunakan berulang kali. Tambahan pula, perisian EMAS telah disahkan oleh akauntan Majlis Agama Islam Negeri Perak mengikut format laporan kewangan yang piawai.

Walaupun begitu, terdapat beberapa halangan dan cabaran dalam penggunaan perisian EMAS. Antara cabaran yang dihadapi adalah kesediaan dan kemampuan Bendahari atau pengurus Masjid untuk melaksanakan EMAS dari aspek kemahiran ICT. Selain itu, faktor umur ahli jawatan kuasa (AJK) juga menjadi halangan dalam mengaplikasi perisian EMAS. Hal ini disebabkan kerana kebanyakkan AJK masjid telah berusia dan mempunyai keupayaan pancaindera yang agak terhad di samping ketiadaan komputer riba dan komputer. Akhir sekali, faktor yang menghalang sistem ini untuk dilaksanakan dengan jayanya adalah disebabkan AJK masjid tidak diberikan elauan khas khususnya kepada bendahari Masjid untuk mengisi dan melengkapkan kewangan dana masjid.

Berdasarkan hasil kajian, daripada 630 buah masjid yang menguji perisian EMAS, hanya 23.8% Bendahari Masjid (150 orang) yang bersetuju dan bersedia menggunakan perisian EMAS. Manakala 50% (315 orang) lagi juga bersetuju tetapi tidak bersedia mengaplikasi perisian EMAS disebabkan beberapa halangan seperti tiada kemahiran ICT, tiada kelengkapan ICT, faktor umur dan lain-lain. Di samping itu juga, sebanyak 26.2% (165) lagi tidak bersetuju dan tidak bersedia untuk mengaplikasi perisian EMAS

kerana berpendapat amalan tradisi mencatat di dalam buku rekod adalah lebih telus dan mudah berbanding dengan perisian EMAS.

Untuk merealisasikan institusi masjid yang mempunyai sistem perakaunan yang piawai, pihak masjid akan dibekalkan dengan manual buku perekodan kewangan EMAS, dan hendaklah melibatkan golongan muda sebagai sebahagian AJK masjid. Selain itu, pelaksanaan 1Masjid 1Komputer juga mampu menyelesaikan masalah masjid yang tidak mempunyai komputer. Di samping itu, pemberian elaun kepada pihak bendahari untuk menguruskan sistem perekodan EMAS akan mampu menaikkan motivasi mereka melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cekap dan efisen.

### *Peluang pengembangan dana masjid*

Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh, pengaplikasian sistem EMAS diseluruh masjid di Negeri Perak mendapat terdapat lebih RM 19 juta (anggaran) dana masjid yang disimpan tunai secara beku di bank-bank komersial beserta sejumlah tanah-tanah wakaf yang tidak diusahakan.

Oleh itu, bagi memastikan penjanaan dana masjid dapat dilakukan secara berhemah agar dapat memberi limpahan positif yang lebih menyeluruh kepada masyarakat, maka beberapa aktiviti pengembangan dana dapat di cadangkan. Jadual 2 menunjukkan antara aktiviti-aktiviti ekonomi yang di cadangkan.

**Jadual 2. Kegiatan ekonomi yang produktif**

Sektor	Konsep	Aktiviti
<b>Perlادangan</b>	Konsep <i>muzara'ah</i> dan <i>musaqah</i> di mana institusi masjid boleh menceburii bidang pertanian dengan cara usaha sama dengan pemilik tanah atau pengusaha. Aktiviti perlادangan ini bergantung kepada saiz keluasan tanah dan geografi tanah. Ianya juga boleh dilakukan ke atas tanah wakaf masjid mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelapa sawit</li> <li>• Getah</li> <li>• Padi</li> <li>• Sayur-syuran</li> </ul>
<b>Hartanah</b>	Pembelian harta tanah untuk tujuan disewakan atau dijual kembali kepada orang ramai/usahawan/peniaga dan sebagainya. Pengusahaan tanah wakaf yang tidak diusahakan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah kosong untuk disewakan</li> <li>• Tanah wakaf untuk diusahakan</li> </ul>
<b>Pasaran modal Islam</b>	Pelaburan dalam pasaran modal Islam adalah lebih menguntungkan berbanding menyimpan beku wang di institusi perbankan. Namun begitu, pelaburan dalam bidang ini perlu dipantau oleh golongan pakar yang berkredibiliti bagi memastikan pelaburan yang diceburii menguntungkan dan ianya mestilah patuh syariah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah Hartanah Bumiputera (AHB)</li> <li>• Sukuk</li> </ul>
<b>Perniagaan kecil-kecilan</b>	Pihak masjid boleh menjalankan perniagaan kecil-kecilan di kawasan masjid/tempat strategik ataupun melakukan usaha sama dengan usahawan lain yang bertujuan memberi limpahan positif kepada masyarakat dan seterusnya memberi keuntungan. Ianya boleh dilakukan berdasarkan konsep <i>mudarabah</i> atau <i>musyarakah</i> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedai runcit</li> <li>• Kedai Buku</li> <li>• Kedai Pakaian</li> <li>• Kedai alat tulis</li> <li>• Kedai fotostat</li> <li>• Kiosk usahawan masjid</li> </ul>
<b>Pemakanan</b>	Rumah kedai diusahakan perniagaan makanan. Begitu juga untuk sebarang tempahan makanan dalam skala yang besar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gerai makan</li> <li>• Catering</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	Dalam usaha memperkembangkan ilmu agama di kalangan masyarakat setempat serta menarik minat golongan muda menghadiri aktiviti masjid.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakej ilmu pengajian Al-Quran dan Fardu ain</li> <li>• Pusat tuisyen</li> <li>• Tadika dan Taska</li> </ul>

## Kesimpulan

Perisian EMAS yang piawai telah membuktikan bahawa institusi masjid di negeri Perak mempunyai dana kewangan dan harta wakaf yang banyak iaitu hasil daripada sifat dermawan dan murah hati masyarakat Islam. Dana kewangan masjid ini perlulah digunakan untuk kepentingan pembangunan masyarakat Islam dan tidak terhad dalam bidang keagamaan semata-mata bahkan ianya mencakupi bidang perekonomian ummah. Oleh itu, seharusnya pihak pengurusan masjid perlu lebih bersifat proaktif dan terbuka terutamanya dalam usaha menjana sumber kewangan masjid bagi kelangsungan aktiviti-aktiviti masjid dapat diteruskan tanpa menunggu bantuan dari pihak Majlis Agama. Penjanaan dana masjid yang efektif ini secara tidak langsung mampu melahirkan usahawan muslim dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Di samping itu, segala pelaburan kewangan masjid untuk tujuan pengembangan ekonomi setempat haruslah dipantau oleh golongan yang berkredibiliti dalam bidang berkaitan agar pelaburan yang diceburi oleh pihak masjid mampu memberi kesan positif kepada masyarakat. Tambahan pula, pakar-pakar ekonomi yang dilantik oleh pihak masjid atau Majlis Agama perlulah mempunyai sifat akauntabiliti yang tinggi bagi memastikan pengurusan dana masjid dapat diuruskan dengan baik tanpa ada sebarang ketirisan atau ketidaktelusan. Ini penting bagi memastikan pengurusan dan pengembangan dana Masjid ini tidak mendapat bantahan atau bangkangan, bahkan memperoleh sokongan dari ahli kariah dan masyarakat setempat. Oleh itu, Sistem Elektronik Perakaunan Masjid (EMAS) ini bolehlah dianggap sebagai perintis kepada pengurusan dana orang ramai ke arah yang lebih baik dan dirasai oleh seluruh masyarakat.

## Penghargaan

Artikel ini telah dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) kali ke-9 (2014) di TH Hotel Kuala Terengganu, Terengganu. Segala komen dan maklumbalas yang diberikan oleh penilai dan peserta persidangan PERKEM 2014 telah diambil kira dalam menambahbaik penulisan artikel ini.

## Rujukan

- Ahmad Puhad Alim, Siti Roddiah Abdullah (2010) *Audit pengurusan masjid: Kajian di Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan, Rashidah Ahmad Dahari (2008) Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid. In: Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi (eds) *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ajmain @ Jimaaain (2008) Institusi Masjid dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. In: Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi (eds) *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad (2009) Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid? In: Sanep et al. (eds) *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, pp.1-9.
- Hasan Bahrom (2008) Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah. In: Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi (eds), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hussin MYM, Muhammad F, Isa MY (2011) Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah. *Jurnal Muamalat*, 4, 199-213.
- Hussin MYM, Muhammad F, Razak AA, Ahmad MAR (2014) Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid. *Sains Humanika* 2(1), 13-21.

- Hussin MYM, Muhammad F, Razak AA, Habidin NF (2014) Analisis Eksploratori Dana Masjid Di Negeri Perak. *Jurnal Syariah* 22(1), 1-20.
- Hussin MYM, Muhammad F, Razak AA, Habidin NF, Mohamad SIS (2012) Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM 2012)*, pp.1274-1286.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid, Hairunnizam Wahid (2001) Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation di UUM, 23-24 April 2001.
- Joni Tamkin Borhan, Che Zarrina Sa'ari (2003) Pembangunan Ekonomi Masjid. In: Norrodzoh Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff (eds) *Membangun Institusi Masjid*. Intel Multimedia and Publication, Kuala Lumpur.
- Lokman Ismail (2007) Masjid pusat komuniti masyarakat pelbagai bidang. *Berita Harian* (Agama), 5 November 2007.
- Maliah Sulaiman (2007) The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia. *Blumenau* 3(2), 101-115.
- Mohd Noor Azli Khan, Mohd Zulrushdi Salleh, Norhayati Salleh (2008) Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke Atas Masjid Cemerlang. In: Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi (eds) *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Muhammad F, Hussin MYM (2009) Peranan Masjid sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. *Majalah Cahaya* (Jan-Feb 2009). JAKIM, Kuala Lumpur.
- Razak AA, Hussin MYM, Muhammad F, Mahjom N (2014) Economic Significance of Mosque Institution in Perak State, Malaysia. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 7, 98-109.
- Salawati Haris (2009) 6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit. *Milenia Muslim* (September2009). YADIM, Kuala Lumpur.
- Zawawi Ismail (2007) Perspektif Al-Quran dan Sunah bagi Kecemerlangan Umat. In: Abd. Hamid Othman (ed) *Islam Hadhari: Kekuatan Masjid dalam Menjana Masyarakat Gemilang*. Yayasan Islam Hadhari, Putrajaya.